

GST tidak sebabkan kenaikan harga

– Pakar cukai

KOSMO (M/S 53) 11/2/2010

KUALA LUMPUR – Pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) tidak akan mengakibatkan peningkatan harga berikutan pengimbangan hasil pemansuhan cukai jualan dan perkhidmatan (SST), kata Pengerusi Panel Kajian Semula Cukai Kementerian Kewangan, Datuk Kamariah Husain (**gambar**).

Beliau berkata, secara logiknya, melalui GST, pengguna akan membayar 4 peratus cukai berbanding cukai perkhidmatan sekarang iaitu 5 peratus dan cukai jualan 10 peratus.

“GST adalah progresif, bukan regresif, dengan cukai pada 4 peratus, kadar GST adalah kurang daripada SST sekarang,” katanya dalam forum Affin Investment Bank mengenai GST di sini semalam.

Sebagai contoh, pengguna buat masa ini membayar kira-kira 2.8 peratus cukai pada harga barangan yang dibeli tetapi dengan GST, elemen cukai akan dikurangkan kepada 2.5 peratus.

Melalui GST, harga akan berkurangan kerana pihak yang berdaftar boleh menuntut GST yang dikenakan kepada barangan mereka, kata beliau.

“Kami berharap pihak industri akan memanjangkan penjimatan ini kepada pengguna,” kata Kamariah.

Beliau berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan akan menggubal peraturan untuk menangani masalah peniaga yang mengambil kesempatan.

“Kami benar-benar menjaga kepentingan kumpulan berpendapatan rendah dan memastikan mereka tidak terjejas dengan GST,” katanya.

GST memberi faedah kepada golongan berpendapatan rendah dan seluruh rakyat, katanya.

Tambah beliau, kerajaan menjangka untuk mengutip hasil yang lebih rendah dengan penggantian SST dengan GST.

Kerajaan kini mengutip hasil sebanyak RM11 bilion hingga RM12 bilion menerusi SST.

Sistem GST pula dijangka menyaksikan kejatuhan RM1 bilion pada hasil, kata beliau.

Untuk mengutip jumlah yang sama, kerajaan harus mengenakan 4.2 peratus kadar GST, kata beliau.

Kutipan yang berkurangan itu menandakan lebih penjimatan kepada pengguna, tambah beliau. – Bernama

